

Keputusan Kabinet tepat

BH - 19/4/2006

Pembatalan bina jambatan indah dicapai sebulat suara Jemaah Menteri: PM

Oleh Matzidi Dris

KOTA SAMARAHAN: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menegaskan, kerajaan mengambil keputusan tepat apabila membatalkan projek jambatan indah bagi menggantikan Tambak Johor.

Perdana Menteri juga menjelaskan, keputusan membatalkan projek itu dicapai Jemaah Menteri secara sebulat suara selepas membincangkannya.

"Bagi kerajaan, keputusan itu dicapai sebulat suara oleh Kabinet yang berpeluang membincangkannya. Itulah keputusan kami. Kami yakin membuat keputusan tepat," katanya.

Beliau diminta mengulas kritikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berhubung keputusan kerajaan membatalkan pembinaan jambatan itu minggu lalu.

Sejak pengumuman pembatalan itu, Dr Mahathir yang mencetuskan idea pembinaan jambatan berkenaan pada 1996 dilaporkan kurang senang dengan keputusan kerajaan.

Beliau mendakwa kerajaan silap membatalkan projek jambatan berkenaan.

Beberapa akhbar semalam turut melaporkan, Dr Mahathir meminta media supaya tidak menyekat komentarnya dan bertegas untuk terus menyuarakan pendapatnya.

Akhbar *The Sun* dalam lidah pe-

“Bagi kerajaan, keputusan itu dicapai sebulat suara oleh Kabinet yang berpeluang membincangkannya. Itulah keputusan kami. Kami yakin membuat keputusan tepat”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

ngarangnya pula semalam, membidas Dr Mahathir yang mempertikaikan keputusan Kabinet tidak meneruskan pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor berkenaan.

The Sun menyifatkan tindakan tidak meneruskan pembinaan jambatan itu adalah satu-satunya keputusan yang ada pada kerajaan ketika ini.

"Kami terkejut dengan desakan Tun Dr Mahathir bahawa Malaysia sepatutnya meneruskan (pembinaan jambatan). Sebenarnya Malaysia dalam kedudukan tidak selesa dan jelas terjejas dalam soal rundingan dengan Singapura berhubung soal jambatan disebabkan keputusan yang di-

buat ketika pentadbiran Dr Mahathir," katanya.

Kabinet dalam mesyuaratnya minggu lalu membatalkan pembinaan jambatan itu selepas mengambil kira sentimen rakyat berikutan syarat Singapura mahukan Malaysia memberinya satu bilion meter padu pasir dalam tempoh 20 tahun dan hak menggunakan ruang udara negara untuk pesawat tentera sebagai persetujuan meruntuhkan tambak berkenaan.

Selain itu, implikasi undang-undang turut menjadi antara sebab pembatalan projek berkenaan.

LIHAT MUKA 2

● LAGI BERITA DI MUKA 3 DAN 4

Tak jumpa Suu Kyi

DARI MUKA 1

Perdana Menteri bagaimanapun tidak mahu mengulas kritikan terhadap pembatalan projek itu kerana semua keputusan sudah dibuat.

"Orang boleh terus mempertikakannya," katanya sambil menambah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar sudah mengeluarkan kenyataan bagi menjelaskan perkara itu, kelmarin.

"Saya membaca kenyataan itu melalui akhbar pagi ini (semalam)," katanya yang enggan mengulas lanjut.

Mengenai lawatan Syed Hamid ke Myanmar, Abdullah berkata, menteri luar itu tidak dapat menemui tokoh pro demokrasi Aung San Suu Kyi.

"Perbincangan dengan Suu Kyi tidak dapat diadakan, bagaimanapun beliau menemui Perdana Menteri (Jeneral Soe Win) dan pemimpin lain untuk berbincang dan menyalurkan pandangan mengenai Asean," katanya.